



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 23 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	UBAH BALIK – RONALD, RENCANA, UM -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	HASILKAN 500KG SERUNDING PUYUH, NEGARA, KOSMO -18	
3.	PKP CETUS IDEA HASILKAN SERUNDING PUYUH, DALAM NEGERI, UM -33	
4.	MAQIS PULAU PINANG RAMPAS KONTENA BAWA DAUN CINCAU KERING, NEGERI, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	MAQIS RAMPAS 5.7 TAN DAUN CINCAU KERING, NEGARA, KOSMO -14	
6.	THE WORLD IS HIS OYSTER FOR THIS MUSHROOM FARMER, NATION, THE STAR -12	LAIN-LAIN
7.	NELAYAN DAKWA JARING DILANGGAR, DALAM NEGERI, UM -31	
8.	KENAIKAN HARGA SAYUR, TELUR TAK TETAP, LOKAL, HM -18	
9.	BANGKIT SEMULA SELEPAS ALAMI KERUGIAN, BISNES SINAR, SH -29	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Ubah balik - Ronald

## MUKADIMAH

YANG selalu di samping Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam program pemimpin bersama rakyat sepanjang kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah tidak lain tidak bukan, kelabit **DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**.

Ahli Parlimen Beluran yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan itu juga adalah Setiausaha Badan Pimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Sabah.

"Bezanya Abah (gelaran untuk Perdana Menteri) dengan Ketua Menteri Sabah (Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal) kalau kita tengok billboard-billboard di sana sini sekarang ini (di Sabah), dia (Mohd. Shafie) seolah-olah samakan dirinya dengan Obama.

Tetapi Obama cakap *unity* dalam konteks yang lain...perpaduan, kerjasama antara warna dan bukan warna dan wilayah.

"Tetapi *unity* yang disebut oleh Mohd. Shafie adalah untuk merenggangkan kerajaan negeri dan Persekutuan," katanya kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL** di Kota Kinabalu.

Berikut sedutan temu bual dengan Ronald yang banyak bercakap pasal usaha kementeriannya memajukan sektor pertanian di Sabah.

### BANGUNAKAN TANAH TERBIAR

**U**TUSAN: Negeri Sabah luas. Dari segi pertanian, sudahkah mencapai sekurang-kurangnya separuh daripada keperluan bekalan makanan untuk penduduk Negeri di Bawah Bayu ini?

**RONALD:** Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia. Sebanyak 27 peratus daripada guna tanah Sabah adalah bagi tujuan pertanian, iaitu kira-kira 1.98 juta hektar.

Sehingga kini, seluruh 10,199.19 hektar tanah terbiar telah dibangunkan di seluruh negara termasuk Sabah.

Keluasan tanah pertanian Sabah adalah jauh lebih luas walaupun jika dibandingkan dengan keluasan seluruh negeri tertentu di Semenanjung. Dengan memiliki tanah pertanian seluas ini, tentulah Sabah mempunyai potensi yang sangat besar dalam sektor pertanian dan industri makanan bagi menjamin bekalan makanan yang berterusan dan mencukupi.

Sumbangan sektor pertanian Sabah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian negara pada 2019 bernilai RM13.7 bilion atau sebanyak 13.5 peratus.

Sabah turut mempunyai potensi bagi membangunkan



MUHYIDDIN Yassin diiringi Ronald Kiandee dalam program pemimpin bersama rakyat di Sabah, baru-baru ini.

produk-produk pertanian seperti padi, nanas, durian disebabkan oleh kesuburan dan keluasan tanahnya serta hasil perikanan seperti rumput laut yang boleh menyumbang kepada eksport negara.

### AGROMAKANAN

Apakah usaha-usaha jangka pendek kementerian untuk memastikan Sabah tidak terpinggir dalam menambah baik pembangunan pertanian negeri?

Sektor agromakanan kekal berdaya tahan dengan merekodkan pertumbuhan positif (1.0 peratus) berbanding prestasi KDNK Negara (-1.7 peratus) dan

lain-lain sektor ekonomi utama yang turut mencatat pertumbuhan negatif pada suku kedua 2020.

Kerajaan telah melancarkan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) untuk memantapkan rantaian bekalan makanan seperti menambahbaik infrastruktur, mengukuhkan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran serta meluaskan lagi pemasaran.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) telah diperuntukkan RM650 juta di bawah paket-paket rangsangan ekonomi ini di mana lebih daripada RM73 juta untuk Sabah sahaja.

Selain itu, bagi memastikan taraf sosioekonomi peladang, peternak dan nelayan terus maju. Untuk 2020 sahaja, MAFI memperuntukkan lebih RM70 juta untuk Sabah bagi membina dan meningkatraf infrastruktur pengairan dan saliran, membangunkan projek tanaman, perikanan, ternakan dan temusu serta bantuan-bantuan berbentuk input, teknologi dan insentif galakan skim pertanian baik.

Bagi sektor agromakanan negara untuk jangka panjang pula, MAFI memfokuskan tiga strategi tumpuan dalam hal tuju sektor tanaman, ternakan dan perikanan iaitu Strategi Utama, Strategi Sokongan dan Strategi Pembolehdaya seperti berikut:

Strategi Utama adalah mengoptimum pengeluaran tempatan, mengeluarkan produk berdasarkan permintaan, memperkuuh kolaborasi strategik dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain, menyusun semula stok penimbang dan bekalan, menggembungkan potensi guna tenaga, meneroka pasaran dan akses global, dan mempelbagaui sumber pengimportan.

Strategi Sokongan adalah pengukuh ekosistem, penerinagunaan teknologi, penstrukturkan instrumen kewangan, perlindungan sosial serta penstabilan harga.

Strategi Pembolehdaya daya berperanan dalam memudahkan pelaksanaan strategi-strategi utama dan strategi-strategi sokongan dengan berpaksikan: (i) undang-undang, peraturan dan regulasi serta akta, (ii) pembentukan dan (iii) teknologi.

Kerajaan juga sebelum ini membentuk satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara untuk merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan. Jawatan kuasa ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyidin Yassin dan dianggotai seramai 11 menteri sebagai ahli tetap dengan diurussetakai oleh MAFI. Jawatan kuasa ini akan

membincangkan pelbagai strategi untuk memperkuatkan sektor agromakanan negara termasuk di Sabah berlandaskan peningkatan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden dan pengurangan kebergantungan kepada import. Di samping itu, strategi-strategi untuk meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan makanan turut diberi penekanan selaras dengan usaha untuk mengoptimalkan sumber sedia ada.

#### PETANI BERKEMAHIRAN

Antaranya dari aspek bantuan kepada petani, nelayan dan penternak, adakah teknologi moden dan terkini diberi ruang untuk mereka menambah hasil pertanian?

Menyebab luas penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi menjadi fokus MAFI bertujuan meningkatkan ruang untuk menambahbaik kecekapan pengeluaran hasil pertanian selain melahirkan petani berkemahiran dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia.

MAFI memperuntukkan kira-kira RM80 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bertujuan pemodenan teknologi, pembelian jentera seperti traktor dan jentuai, kajian dan pembangunan (R&D) serta sokongan kepada reka cipta tempatan untuk aplikasi di lapangan termasuk menyediakan

**Rakyat Sabah sudah tentu tidak ingin era kerajaan negeri menjadi pembangkang kepada kerajaan Persekutuan seperti yang berlaku pada tahun 1990-1994 berulang semula.”**

sokongan sebagai penyedia perkhidmatan bagi seawaan traktor dan jentuai serta skim pembiayaan mekanisasi dan automasi kepada usahawan.

MAFI juga sedang merangka Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta RMK-12 (2021-2025) yang akan memberi penumpuan khusus kepada transformasi melalui Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang akan memodenkan lagi sektor pertanian, perternakan dan perikanan.

Teknologi seperti penggunaan dron, sistem pertanian pintar, *artificial intelligence* (AI) dan *big data* dengan dibantu oleh peningkatan penggunaan mekanisasi dapat merubah lanskap sektor agromakanan negara dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Teknologi dron, *internet of things* (IoT), *smart farming* dan *precision farming* telah pun mula diaplikasi oleh para pengusaha sektor pertanian

#### ELAK BERULANG 1990-1994

Apa harapan Datuk Seri untuk Bersatu menang di 19 kerusi yang ditandingi?

Memimpin negeri dan negara era Covid-19 ini sememangnya amat mencabar. Ia memerlukan kerjasama erat yang luar biasa antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Perikatan Nasional, Barisan Nasional dan Parti Bersatu Sabah yang membentuk Gabungan Rakyat Sabah (GRS) adalah merupakan gabungan yang menjalankan kerjasama negeri-Persekutuan yang terbaik. Rakyat Sabah sudah tentu tidak ingin era kerajaan negeri menjadi pembangkang kepada Kerajaan Persekutuan seperti yang berlaku pada 1990-1994 berulang semula.

Saya yakin rakyat Sabah akan menyokong calon-calon bukan sahaja dari Bersatu tetapi semua calon-calon dari GRS.

terutama golongan muda.

Agrobank juga menawarkan Skim Pembentahan Mikrokredit kepada petani dan peniaga kecil pertanian yang ingin

membuat perolehan teknologi pertanian moden untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.

MAFI sedang giat memperluas dan memperkasa pemasaran hasil pertanian melalui platform-platform e-dagang yang dikenal pasti dan berseusai untuk mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasilan pertanian bagi pasaran domestik seterusnya ke pasaran antarabangsa.

#### GILAI DENGAN PUSAT

Dalam siri kempen PRN Sabah ke-16, Datuk Seri sering kelihatan di sisi Perdana Menteri khususnya menyampaikan mukadimah ucapan sebelum ucaptama dilakukan Tan Sri Muhyiddin (Yassin). Boleh Datuk Seri Kongsi komitmen dan Perdana Menteri selaku Pengurus Perikatan Nasional (PN) untuk menang dalam PRN Sabah ini?

Perdana Menteri kelapan ini adalah Perdana Menteri yang lahir selepas krisis kepimpinan Pakatan Harapan dan dalam tempoh tujuh bulan sahaja sebagai Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin berjaya membentuk sebuah kerajaan yang berfungsi. Beliau berjaya tangani pandemik Covid-19 dan Malaysia diiktiraf antara negara yang aman berjaya di dunia dalam mengawal dan menguruskan wabak Covid-19 dan pada masa sama, berjaya tangani ekonomi yang merudum disebabkan pandemik yang

berlaku. Prihatin dan Penjana merupakan sumbangan Tan Sri Muhyiddin yang ketara untuk rakyat Malaysia dan ekonomi negara dalam era pandemik ini.

Sabah perlukan sentuhan seorang Perdana Menteri yang prihatin terhadap Sabah. Isu infrastruktur asas, kesaksamaan pembangunan antara wilayah, Perjanjian Malaysia 1963, pelarian Filipina, kad pengenalan dalam kalangan orang pelarian, kos sara hidup yang lebih tinggi di Sabah adalah antara isu-isu penting bagi Sabah.

Kesemua isu ini perlukan sentuhan Kerajaan Persekutuan. Tan Sri Muhyiddin adalah Perdana Menteri yang komited terhadap Sabah. Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri membuktikan komitmen Tan Sri Muhyiddin terhadap Sabah dan Sarawak. Penubuhan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 oleh Kabinet baru-baru ini menunjukkan lagi komitmen beliau kepada Sabah dan Sarawak.

Keperluan untuk mewujudkan kerjasama erat antara negeri dan Persekutuan merupakan teras ucapan-ucapan Perdana Menteri dalam siri lawatannya ke Sabah. Jelas ini merupakan satu komitmen yang lahir daripada kehendak untuk melihat Sabah kembali seiring dengan kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri di peringkat Persekutuan.



## Hasilkan 500 kg serunding puyuh

TANAH MERAH - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada Mac lalu akibat wabak Covid-19 memberikan hikmah buat seorang penternak burung puyuh apabila berjaya mengeluharkan serunding berasaskan daging hatwan itu yang kini semakin diminati ramai.

Lebih membanggakan, Serunding Puyuh Emas kebhartaran syarikat A.K Puyuh Emas Enterprise di Kampung Trok di sini merupakan makanan bebasaskan daging burung puyuh pertama yang dihasilkan secara komersial di negeri ini sejak lima bulan lalu.

Pengasasnya, Abdul Khairan

Firdaus Abdul Rahim, 38, mem-

beritahu, sebelum ini dia ha-

nya menernak burung itu dan

memberikannya untuk

pasaran tempatan selain di-

ekspor ke Singapura.

Katanya, dia mempunyai

20000 ekor burung puyuh yang

dilindungi ramai.

"Lebih membanggakan, Serunding Puyuh Emas kebhartaran syarikat A.K Puyuh Emas Enterprise di Kampung Trok di sini merupakan makanan bebasaskan daging burung puyuh sebanyak itu. Saya tidak dapat menyimpulkan kesemua daging dalam peti sejuk beku," katanya.

"Menurut Abdul Khairan Firdaus, dia berfaidah bagaimana hendak memantaukan baki daging burung tersebut.

"Saya bernudin bekeras-

ma dengan pembuat serunding

Syarikat Mizzi Bakti di Kampong

Laut, Tumpat dan berjaya

menghasilkan lima tan serun-

ding menggunakan 15,000 ekor

Tambahnya, kira mereka-

menghasilkan 500 kilogram

(kg) serunding seminggu yang

dipasarkan secara online atau

melalui 64 ejen jualan.



ABDUL KHAIRAN FIRDAUS memuliharkan produk Serunding Puyuh Emas dan Popla Serunding Puyuh pada Majlis Perasmian Jualan Produk Hillran di Kampung Trok di sini kemarin.



CHE Abdullah Mat Nawi (tiga dari kiri) bersama Abdul Khairan Firdaus Abdul Rahim menunjukkan produk serunding berdasarkan burung puyuh pada Majlis Perasmian Jualan Produk Hiliran di Kampung Tirok, Tanah Merah, Kelantan semalam. - UTUSAN/BAHRUDDIN HATTA

## PKP cetus idea hasilkan serunding puyuh

**TANAH MERAH:** Siapa sangka, serunding daging burung puyuh yang diusahakan seorang tauke burung itu sejak lima bulan lalu berjaya menambat hati penggemar makanan tradisi Kelantan berkenaan dan muncul sebagai antara jenama popular.

Lebih membanggakan, Serunding Puyuh Emas hasil keluaran syarikat A.K Puyuh Emas Enterprise yang beroperasi di Kampung Tirok, di sini adalah berasaskan daging burung puyuh pertama dihasilkan secara komersial di negeri ini.

Pengasasnya, Abdul Khairan Firdaus Abdul Rahim, 38, memberitahu, sebelum ini dia hanya fokus pada penternakan burung puyuh sebelum membekalkan telurnya untuk pasaran tempatan selain dieksport ke Singapura.

Katanya, ladang penternakan

miliknya mempunyai sebanyak 20,000 ekor burung puyuh dan secara purata perusahaan itu mampu membekalkan 15,000 telur sehari.

“Ancaman Covid-19 sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac lalu membuatkan saya mengalami kerugian dan terpaksa menyembelih semua burung puyuh bagi mengurangkan kerugian.

“Namun dengan daging burung puyuh sebanyak itu saya tidak dapat menyimpan kesemuanya dalam peti sejuk beku. Sebahagian daripadanya terpaksa dibuang begitu sahaja,” katanya semalam.

Terdahulu, usahawan itu menghadiri Majlis Perasmian Pusat Jualan Produk Hiliran Kampung Tirok yang disempurnakan Timbalan Menteri Perta-

nian dan Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, di sini.

Bercerita lanjut, Abdul Khairan Firdaus berkata, otaknya selepas itu ligat mencari jalan bagaimana mahu memanfaatkan baki daging yang tersimpan mendapat idea menghasilkan serunding berdasarkan daging burung puyuh.

“Bagi menjayakan idea ini saya bekerjasama dengan pembuat serunding, Syarikat Mizi Bakti di Kampung Laut, Tumpat dan kami berjaya menghasilkan lima tan serunding menggunakan 15,000 ekor burung puyuh.

“Kini kami menghasilkan serunding secara purata 500 kilogram. Pemasaran bagi produk Serunding Puyuh Emas dijalankan melalui dalam talian serta 64 jualan yang dilantik di seluruh negara serta Singapura,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
23/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	SURAT
		28	

## Maqis Pulau Pinang rampas kontena bawa daun cincau kering

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk daun cincau kering ke negara ini melalui Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini Jumaat lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli

berkata, daun cincau seberat 5,750 kilogram yang diranggarkan bernilai RM-29,039.78 ditemui semasa pemeriksaan rutin oleh pegawai Maqis ke atas kontena yang masuk dari Indonesia.

Menurutnya, pengimportan daun cincau kering ini diperdayai bertujuan untuk dijadikan

produk perubatan herba. “Hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan mendapati kontena tersebut diimport tidak mematuhi syarat seperti mana ditetapkan pada permit import yang dikeluarkan Maqis.

“Kesemua dagangan tersebut telah disita untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

## Maqis rampas 5.7 tan daun cincau keriting

**SEABANG PERAI** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri mengagalkan cubaan membawa masuk kira-kira 5.7 tan daun cincau keriting ke negara ini dalam satu pemerkasaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini Jumaat lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zainah Ramli berkata, pihaknya membuat siasaan kira-kira pulak 1 tengah hari selepas pengimpor didapati tidak mematuhi syarat seperti yang ditetapkan pada permit import.

"Sebaiknya, 5,750 kilogram daun cincau keriting yang diangarkan bernilai RM29,059.78 itu ditemui semasa pemeriksaan rutin yang dilakukan ke atas sejumlah kontena dari Indonesia. "Pengimporan produk itu yang dibungkus di dalam 230 gami dipercaya berodjoh unruk dijadikan produk perubatan herba," katanya kepada pemberita di sini semalam.

**DAUH** dimasak keriting digunakan dalam produk perubatan herba.

Zarina berkata, bes tu disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728). Beliau berkata, Maqis mengambil langkah serius dalam isu melibarkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.



230 gami mengandungi daun cincau keriting yang dirampas di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT). Seorang perai pada Jumaat lalu.

# The world is his oyster for this mushroom farmer



Pride and joy: Muhamad Saidan showing off his mushrooms which are grown from containers in his mushroom house in Kg Parit Selangor, Johor.

## Govt officer leaves job to pursue passion

By NELSON BENJAMIN  
nelson@thestar.com.my

**PONTIAN:** He was once a government officer reaching out to the community via social economic programmes including setting up cooperatives and helping the Orang Asli come up with eco-tourism products to uplift their livelihood.

But then Muhamad Saidan Sanib, 35, decided to get his "hands dirty" by venturing into mushroom farming.

So, two years ago, he quit his job in Iskandar Regional Development Authority (IRDA) where he had worked for 10 years.

These days, he runs a small mushroom farm on a plot of land in his family home in Kg Parit Selangor here.

Muhamad Saidan observed that mushroom farming was getting popular especially among locals who lost their jobs in Singapore amid the Covid-19 pandemic.

"But mushroom farming requires a lot of dedication," he cautioned.

He spoke of having to wake up as early as 4am to harvest the mushrooms so that they could be sent fresh to the markets and shops daily.

"Everyday, my farm produces about 20kg to 30kg of fresh oyster mushrooms," he said.

Both his mushroom houses can accommodate up to 20,000 containers to grow the mushrooms.

Muhamad Saidan said that 1kg could be sold for about RM15 to RM18 wholesale price.

Besides oyster mushrooms, he also cultivates a special Kukur Mushroom variety, which sells for as much as RM65 per kg.

"This mushroom species is only cultivated when there are special orders usually at least once a month," he said.

Muhamad Saidan said that he started mushroom farming about several years ago after his brother got into it in 2014.

To help with the farming, he hired several students to work part-time.

"They help me fill up the containers which are used to grow the mushrooms in my two mushroom houses," he said, adding that each container takes about 45 to 100 days before the mushrooms could be harvested.

He said that mushrooms in southern states like Johor were expensive as the raw material to fill up the containers to cultivate them were difficult to get, especially rubber wood dust.

Besides the dust, he also adds rice husks and lime along with the mushroom seeds for them to germinate.

As for those seeking to get into mushroom farming, he said that they could set it up in a room in their own home.

"Just make sure the place is a bit damp to promote the growth of the mushrooms," he said, adding that he plans to organise courses or talks to get people interested in mushroom farming.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

## Nelayan dakwa jaring dilanggar

**MELAKA:** Seorang nelayan menanggung kerugian lebih RM500 apabila jaring hanyut yang dipasangnya rosak dipercaya dilanggar sebuah kapal tunda yang berlabuh berhampiran pesisir Pantai Lereh, di sini, semalam.

Lebih mengejekawan, nelayan tersebut, Mustaphah Japar, 58, berkata, kru kapal terbabit tidak mengendahkan dirinya ketika memaklumkan jaringnya berada di bawah perut kapal.

"Kebiasaannya, apabila jaring termasuk ke bawah kapal, kapten akan segera mengalihkan kapal, namun dalam kejadian kali ini mereka bersikap angkuh dan enggan berganjak dari kawasan berkenaan."

"Tempat sekangkang kera inilah untuk kami mencari rezeki sekarang, bukan hanya saya tetapi ada lebih 20 bot nelayan mencari rezeki di sini. Disebabkan kejadian ini, sebanyak lima keping jaring saya rosak dengan anggaran kerugian RM500," katanya di sini hari ini.

Menurut Mustaphah lagi, dia juga telah cuba bersempua dengan kru kapal berkenaan, namun aduannya bukan sahaja tidak dilayan, malah dicabar untuk membawakan isu tersebut ke pengetahuan pihak berkuasa.

"Saya cuba mendekati kapal berkemaan untuk memberitahu jaring hanyut saya berada di bawah kapal itu, namun, mereka enggan melayan dan menyuruh saya melapor kejadian tersebut."

"Saya sangat kecewa dan berharap apa yang disuarakan ini dapat membantu nelayan kecil pesisir pantai untuk mencari rezeki seperti biasa," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Rentetan itu, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee telah mengadakan pertemuan dengan Mustaphah, syarikat kapal dan pihak berkuasa terlibat.

Kata beliau, pertelingkahan antara nelayan dengan kru kapal tersebut juga telah selesai.

**Alor Setar:** Kenaikan harga beberapa jenis sayur-sayuran dan telur di Pasar Besar Alor Setar berlaku disebabkan cuaca selain faktor perintaran dan penawaran barang berkenaan.

Ketua Pegawai Pengurusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) negeri, Mohd Sharhan Mohd Arshad berkata, kebanyakan sayur-sayuran di pasar itu diperoleh daripada pembekal di Cameron Highland yang turut tersan akibat musim hujan ketika ini.

“Beberapa pegawai sudah melakukan pemeriksaan di pasar itu hari ini (semalam)

## Kenaikan harga sayur, telur tak tetap



ORANG ramai tetap mula ketibaan barang keperluan harian di Pasar Besar Alor Setar.

biji” katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Sharhan berkata, pihaknya akan terus melaksanakan pemantauan secara berulang agar tidak berlaku kenaikan harga barang yang tidak munasabah kerita Pe-

riantah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di beberapa kawasan di negeri ini.

Katanya, orang ramai juga boleh membuat aduan kepada KPDNHEP sekitaranya berlaku kenaikan harga barang di kawasan manapun agar siasatan dapat dilakukan dan tindakan boleh diambil kepada peniaga yang sesuka hati menaikkan harga barang.

“Kenakanya hanya antara lima hingga 10 peratus,

terapi ada juga hari yang

hargaanya turun.

“Ta bukan kenaikan yang

ketara dan tidak munasabah, ia masih dalam kawasan. Begitu juga dengan har-

ga telur, minggu lalu, ada

lambakan telur hingga ber-

laku penurunan harga.

“Minggu ini bekalan telur kembali seperti biasa dan

hargaanya di pasaran naik di peringkat runcit iaitu antara

36 hingga 37 sen sebiji manakala pemborong 34 sen se-

dan mendapatkan kenaikan harga itu tidak tetap.

“Kenakanya hanya antara lima hingga 10 peratus, terapi ada juga hari yang

hargaanya turun.

“Ta bukan kenaikan yang ketara dan tidak munasabah, ia masih dalam kawasan. Begitu juga dengan har-

ga telur, minggu lalu, ada

lambakan telur hingga ber-

laku penurunan harga.

“Minggu ini bekalan telur kembali seperti biasa dan

hargaanya di pasaran naik di

peringkat runcit iaitu antara

36 hingga 37 sen sebiji ma-

nakala pemborong 34 sen se-

# Bangkit semula selepas alami kerugian

Penternak lembu harungi pelbagai cabaran sebelum berjaya

MELAKA

Penternak lembu, Muhammad Safid Affandi Shamsudin terpaksa melalui pelbagai keperitan sebelum berjaya dalam bidang itu.

Berkongsi kisahnya, pemuda berusia 28 tahun itu berkata, sebelum menternak lembu, beliau terpaksa menggunakan kereta Proton Gen 2 miliknya untuk membawa pulang dua ekor anak lembu dari Bangi ke Melaka 10 tahun lalu.

Anak jati Kampung Sembok Dalam, yang mengusahakan perniagaan Al Safid Enterprise bersama abangnya mengakui hanya bermodalkan RM5,000 untuk membeli sepasang anak lembu dan dipelihara di bekang rumah mereka.

Menurutnya, walaupun sedar tindakannya itu satu kesalahan namun beliau terpaksa melakukan demi memenuhi impianinya untuk menjadi penternak lembu.

"Kalau ikutkan memang salah, tetapi ketika itu saya tidak mampu menyewa lori dan tidak mempunyai wang lebih. Jadi saya tawakal menggunakan kereta untuk membawa balik dua anak lembu dan kemudiannya seekor lembu lain.

"Bermula dari tiga ekor lembu kini saya mempunyai lebih 100 ekor lembu selain kambing di dua lokasi berbeza iaitu di ladang Semujuk Jasin dan di Solok Bukit Baru," kata anak bongsu dari tiga beradik itu.

Muhammad Safid Affandi dibesarkan ibunya Rabiah Awang, 62, seorang ibu tunggal selepas pemergian bapa yang meninggal dunia akibat serangan jantung.



Muhammad Safid Affandi sedang memberikan lembu-lembunya makan dedak di ladang lembu di Solok Bukit Baru.



Muhammad Safid Affandi bersama sebahagian lembu ternakannya di Ladang Samujuk, Jasin.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Temu itu berkata, beliau pernah mendapat tawaran untuk menyambung pengajian di universiti selepas tamat Tingkatan Lima termasuk tawaran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu tetapi terpaksa melupakan hasrat berkenaan kerana tidak sanggup melihat kepayahan ibu menjual kuih-muih untuk menyara mereka tiga beradik.

Katanya, berbekalkan semangat berdikari ibunya, dia nekad meneruskan impian menternak lembu dan ubah nasib keluarga.

"Kecekanan ibu yang bersahabat payah membesarakan kami adik-beradik memberikan inspirasi dan saya membuktikan walaupun tidak memegang sebarang ijazah saya juga boleh berjaya seperti orang lain," katanya yang menternak dua jenis baka lembu iaitu lembu susu dan lembu KK.

Bapa kepada seorang cahaya mata berusia tiga bulan itu per-

nah mengalami kerugian hingga RM20,000 apabila lembu ternakan diserang penyakit kuku dan mulut sehingga pernah hambar berputus asa dan mahu berluka kepada bidang lain.

## Sabar

Namun, katanya, berkata kesabaran ditambah semangat daripada keluarga menyebabkan beliau bangkit meneruskan perniagaan itu.

"Apa yang membuatkan saya bangun semula bila melihat prospek perniagaan ini yang lebih cehah dan pengalaman yang ada itu menjadikan saya lebih berhati-hati dan belajar cara untuk mencegah penyakit binatang seperti mengambil suntikan."

"Selain proses penyembuhan di ladang saya juga menghantar daging lembu yang telah siap diproses ke pasar untuk dijual dan ia dibantu oleh pekerja saya," katanya yang pernah bekerja sebagai jurujual kereta. Biarpun negara dilanda pan-

demik koronavirus (Covid-19) namun perniagaannya tidak terkesan malah rezekinya berlipat ganda apabila khidmat penghantaran daging ke rumah pelanggan mendapat sambutan menggalakkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, setiap hari pasti ada lembu yang disembelih dan permintaan meningkat sehingga lebih 60 ekor lembu terutama menjelang pada musim perayaan.

"Syukur dalam tempoh PKP saya masih dapat meneruskan perniagaan dan dianggarkan 100 hingga 150-kilogram (kg) daging yang dijual setiap hari," katanya.

Bercerita lanjut, Muhammad Safid Affandi dengan rendah diri berkata, tahun lalu beliau berjaya memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM120,000 setahun dan menasarkan tahun ini keuntungan jualan melebihi angka tersebut.

Beliau juga merancang untuk menambah sebuah lagi ladang penterakan di Lendu, Masjid Tanah bagi meluaskan dan mengukuhkan perniagaan yang dibina sejak 10 tahun lalu.

Katanya, walaupun tidak membuat sebarang pinjaman dan mendapatkan bantuan manapun pihak, namun perniagaannya semakin berkembang maju dan dikenali.

Muhammad Safid Affandi menerima kunjungan Ketua Menteri Melaka, Datuk Suleiman Md Ajil di ladang ternakan lembu miliknya di Solok Bukit Baru baru-baru ini.

